

TEMA 1

SAPAAN



Hasil pembelajaran, anda dapat belajar,

- ✓ **Kata dan ucapan sapaan**
- ✓ **Penggunaan kata ganti nama**
- ✓ **Pertanyaan khabar**
- ✓ **Pertanyaan mengenai makan**

UCAPAN SAPAAN

Maksud sapaan: Teguran untuk mengajak berbual dengan seseorang yang ditemui.

JENIS PEMULA SAPAAN

Ucapan sapaan universal

- Hai
- Helo

Ucap Salam untuk orang Islam sahaja:

- Assalamualaikum
- Waalaikummussalam

Ucap Selamat mengikut waktu:

- Selamat pagi
- Selamat tengahari
- Selamat petang
- Selamat malam

BUDAYA MEMBERI SALAM



Berjabat tangan antara sama jantina
berlainan agama

Berjabat tangan antara sama jantina dan agama



Meletakkan tangan di dada selepas berjabat tangan

PERTANYAAN KHABAR

- Apa khabar?
- Sihat?
- Khabar baik
- Sihat

SAPAAN APABILA BERPISAH

- Selamat tinggal
- Selamat jalan
- Saya pergi dulu
- Jumpa lagi

SAPAAN PENGHARGAAN

- Terima kasih
- Sama-sama

PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA

Kumpulan	Kata Ganti Nama Diri Pertama	Kata Ganti Nama Diri Kedua	Kata Ganti Nama Diri Ketiga
Tunggal/Seorang	saya aku	awak kau anda	dia beliau
Jamak/Ramai	kita kami	anda semua kamu semua	mereka

SEMAKAN SEBUTAN

	Ucap Sapaan	Bertanya Khabar	Pertanyaan Makan	Akhiri Perbualan
Orang Islam dan Orang Islam	Assalamualaikum Waalaikumsalam	Apa khabar? Khabar baik. Awak sihat?	Awak sudah makan? Saya sudah makan tadi.	Saya pergi dulu. Jumpa lagi. Selamat tinggal.
Umum	Hai Selamat pagi Selamat tengahari	Saya sihat. Saya kurang sihat.	Saya belum makan.	

	Selamat petang Selamat malam			
--	---------------------------------	--	--	--

MARI BERTUTUR

Sila baca, dengar (Audio) dan tonton (Video) dengan teliti berkenaan situasi pertuturan di bawah. Seterusnya, sila berlatih bertutur semula.

Audio dan video boleh didapati dalam laman web KPBM.

**Penulisan skrip di bawah menggunakan bahasa Melayu baku/formal. Manakala rakaman video menggunakan sebutan tidak baku/tidak formal yang biasa digunakan dalam percakapan sehari-hari.*

Situasi 1.1 Sapaan dengan orang lebih tua

Latar tempat: Di sebuah kedai makan

Azman : Assalamualaikum, pak cik Ayub.
Pak cik Ayub : Waalaikumussalam.
Azman : Pak cik apa khabar?
Pak cik Ayub : Khabar baik.
Azman : Pak cik dari mana tadi?
Pak Cik Ayub : Pak cik dari kampung.
Azman : Bagaimana keadaan keluarga pak cik di kampung?
Pak Cik Ayub : Semua sihat.
Azman : Baguslah kalau macam tu. Pak cik dah makan?
Pak cik Ayub : Dah makan tadi.
Azman : Kalau macam tu, saya buat kerja saya dululah. Nanti kita jumpa balik.

Situasi 1.2 Sapaan antara rakan sebaya sama bangsa

Latar tempat: Sekitar Universiti

Azman :	Assalamualaikum, Ahmad.
Ahmad :	Waalaikumussalam, Azman.
Azman :	Kau apa khabar? Lama tak nampak.
Ahmad :	Aku sihat. Aku baru balik dari kampung semalam.
Azman :	Oh, baru balik dari kampung. Bagaimana keadaan keluarga kau di kampung?
Ahmad :	Alhamdulillah. Mereka semua sihat.
Azman :	Baguslah. Kau dah makan?
Ahmad :	Belum, aku masih kenyang lagi.
Azman :	Kalau macam tu, aku pergi kafe dululah.
Ahmad :	Baiklah, aku pun nak belajar ni.

Situasi 1.3 Sapaan antara rakan sebaya berlainan bangsa

Latar tempat: Sekitar Universiti

Azman :	Muthu...
Muthu :	Eh, Azman...
Azman :	Hai, selamat pagi.
Muthu :	Hai, selamat pagi.
Azman :	Awak apa khabar?
Muthu :	Khabar baik.
Azman :	Awak dari mana? Lama tak nampak.
Muthu :	Saya baru balik dari kampung.
Azman :	Oh, bagaimana keadaan keluarga awak di kampung?

Muthu : Mereka semua sihat.

Azman : Baguslah. Awak sudah makan?

Muthu : Saya sudah makan tadi.

LATIHAN

Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. , Ahmad.

Selamat pagi, Azman.

2. Awak apa khabar?

Saya .

3. Awak sudah ?

Saya sudah makan tadi.

4. Keluarga awak ?

Mereka semua sihat.

5. Bagaimana keadaan keluarga awak?

semua khabar baik.

Latihan 2

Isikan dialog perbualan di bawah dengan jawapan yang sesuai.




Muthu,

A large, light-colored speech bubble containing the text "Muthu," followed by two horizontal lines for a response.

A large, light-colored speech bubble containing two horizontal lines for a response.

A large, light-colored speech bubble containing two horizontal lines for a response.



Latihan 3

Tandakan (✓) untuk penggunaan kata sapaan yang bagus.

1. Hai. Apa khabar?
2. Esok saya hendak ke sekolah.
3. Selamat pagi. Boleh saya tanya sesuatu?
4. Hai. Nama saya Mariam. Apa nama awak?
5. Awak sihat?
6. Siti, kenalkan ini kawan saya, Seri.
7. Seronok bertemu awak.
8. Jom jumpa hari Isnin ini!
9. Selamat tinggal. Jumpa lagi.
10. Awak sudah makan?
